



LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

## SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2024

### BAHASA MELAYU

1103/2

Kertas 2

2 jam 30 minit

#### JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi tiga bahagian: Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
5. *Buku jawapan hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

SPM 2024

Kertas peperiksaan ini mengandungi 12 halaman bercetak dan 4 halaman tidak bercetak.

(Nota penerbit: Bilangan halaman dalam buku ini telah diubah suai.)

## BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

- 1 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan empat kata adjektif. Kemudian, bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata adjektif tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan dan menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa, kata ganda atau nama khas.*

Perkembangan industri pembukuan negara agak lesu sejak belakangan ini. Kelesuan industri pembukuan termasuklah jumlah buku yang kurang diterbitkan oleh penerbit tempatan. Hal ini semakin membimbangkan kerana buku-buku ini diperlukan oleh generasi muda yang bakal menjadi pemimpin negara. Penerbitan buku untuk kanak-kanak dan remaja tidak mencapai 1000 judul setahun. Jumlah tersebut sangat kecil jika dibandingkan dengan jumlah kanak-kanak dan remaja kini. Akibat sukar mencari bahan bacaan tempatan, mereka terpaksa mencari bahan bacaan alternatif, khususnya dari luar negara. Buku-buku tersebut berkemungkinan turut mempengaruhi pemikiran, budaya dan tidak sesuai dengan amalan hidup masyarakat kita.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Kota Ilmu, Buku dan Sastera Kita'  
oleh Anwar Ridhwan,  
*Dewan Sastera*, Bil. 4/2019

[8 markah]

- 2 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian, tukarkan cakap ajuk yang bergaris di bawah kepada cakap pindah tanpa mengubah maksud asalnya.*

Kami meredah kedinginan, kelembapan dan kabus bagaikan melalui terowong masa dalam filem *Lord of The Rings* dan *Alice in Wonderland*. Aakif menghentikan langkah. Seronok melihat wap berterbangan dari bahu hingga ke kepalanya. Di tengah-tengah hutan lumut ini, dia seperti berada di alam fantasi.

"Ayah, mengapa puncak Gunung Irau dipenuhi lumut?" Tanya Aakif. Ayah menghentikan langkahnya sambil berpaling ke arah Aakif.

"Awan rendah dan angin dingin yang lembap sesuai untuk lumut, paku pakis, periuk kera, lichen dan orkid." Jelas ayah. Ayah dapat menangkap riak kagum pada wajah Aakif. "Cantik?"

Aakif menjawab pertanyaan itu dengan senyuman yang menggambarkan kepuasan. Aakif mengusap banir dan batang pokok condong di sisi yang bersalut lumut hingga ke rantingnya.

Pinta Aakif, "Ayah, kita datang lagi ketika cuti sekolah pada hujung tahun." Aakif benar-benar mengharap.

"Trek licin waktu itu. Bahaya. Jika ada masa yang sesuai, kita datang lagi." Janji ayah. Aakif mengangguk setuju

Dipetik daripada cerpen 'Nabatah di Pohon Kasih'  
oleh M. Arif

[6 markah]

- 3 Bahan-bahan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin bahan-bahan tersebut

**Bahan 1**



Nurain Sofia binti Kamarul Azman  
21, Jalan Permai 3,  
83000 Batu Pahat,  
Johor Darul Takzim

**1. PEKERJAAN YANG DIPOHON**  
Guru Tadika Perpaduan

**2. OBJEKTIF DAN MATLAMAT KERJAYA**

Membina kerjaya dalam bidang pendidikan dan memberikan sumbangan kepada kemajuan masyarakat. Seterusnya, saya berhasrat untuk bantu pembangunan modal insan.

**3. MAKLUMAT PERIBADI**

Nama: Nurain Sofia binti Kamarul Azman  
Umur: 25 tahun  
Tarikh lahir: 30 June 1999  
Nombor telefon: 0187743222

**4. PENDIDIKAN**

Institut: Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)  
Bidang Pengajian: Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak

**RESUME**

**5. POTENSI DIRI**

- mesra dan mudah bekerjasama dalam kumpulan.
- boleh berinteraktif dengan semua lapisan masyarakat.

**6. KEMAHIRAN**

- mampu menghasilkan video kreatif.
- menguasai kemahiran rekabentuk grafik.
- mahir bermain beberapa alat muzik moden dan tradisional.
- berkebolehan dalam pengucapan awam.

**7. HARAPAN**

Saya tersangat berharap agar diterima sebagai guru tadika ini. Saya yakin dapat menunaikan tanggungjawab ini dengan baik. Selain daripada itu, saya juga berhasrat agar dapat menarik minat ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka ke tadika ini.

**8. RUJUKAN**

Puan Fatimah binti Daud  
Pengetua SMK Sri Cemerlang,  
83000 Batu Pahat,  
Johor Darul Takzim  
Nombor telefon: 074448888

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4'  
Kementerian Pendidikan Malaysia

[5 markah]



## BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[35 markah]

- 6 Baca Bahan 1, Bahan 2 dan Bahan 3 yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**Bahan 1**

Jika diteliti dari segi sejarah, kain songket yang diberikan jolokan 'kain berpakan emas' hanya dipakai oleh golongan bangsawan, keluarga kerabat diraja dan orang-orang besar di Tanah Melayu. Penggunaan songket dalam pemakaian golongan bangsawan dan istana adalah untuk menunjukkan kedudukan pangkat dan kebesaran individu yang memakainya. Hal ini dikatakan demikian kerana kehalusan tenunan, keunikan motif dan warna songket pada ketika itu sangat sesuai dengan golongan berkenaan.

Kain songket ini secara tradisinya ditenun dengan menggunakan benang sutera halus. Selain itu, benang emas juga sering digunakan dalam tenunan songket. Pada zaman dahulu hanya pihak istana yang dikatakan mampu dan dibenarkan untuk memiliki songket. Sejalan dengan perubahan masa, songket kini turut digayakan oleh orang kebanyakan. Songket jenis ini ditenun dengan menggunakan benang kapas dan dipakai oleh golongan rakyat jelata sebagai pakaian rasmi majlis tertentu.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Songket di Persada Dunia'  
oleh Amirah Syazwani Baderol Sham,  
*Dewan Budaya*, Bil. 3/2022

**Bahan 2**

Menurut Pak Andak, pada era 1960-an, beliau sering didedahkan dengan pakaian tradisional seperti songket oleh ayahnya untuk berurusan dengan pihak istana. "Saya dibesarkan dalam keluarga yang sering menggunakan pelbagai jenis pakaian tradisional yang berasaskan songket. Dalam setiap majlis dan acara, pasti ada penggunaan songket walaupun pada kain samping." Ujar Pak Andak ketika menceritakan pengalamannya sebelum mula mengumpulkan pakaian tradisional seperti songket, kebaya dan kebarung. Sejak itu, Pak Andak mula mengumpulkan pakaian tradisional, termasuklah songket milik keluarganya dan kenalan terdekat untuk dijadikan koleksi. Selain itu, songket juga digunakan untuk menyerikan raja sehari ketika majlis perkahwinan.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Si Jantung Hati – Raja Andak Raja Hussin'  
oleh Muhammad Lutfi dan Syaza Wardina Abd Khalik,  
*Dewan Budaya*, Bil. 3/2022

**Bahan 3**

Songket yang dipakai bertujuan untuk melambangkan gaya hidup berbudaya tinggi. Seni tenunan songket bukan sahaja tergambar pada luaran malah termasuk juga nilai estetik yang sangat tinggi.



Salah satu unsur yang menjadi jati diri sesuatu bangsa ialah pakaian. Pemakaian kain songket dalam budaya Melayu dapat menggambarkan jati diri seseorang yang berbangga dengan warisan budayanya

Aspek kekukuhan dan keindahan songket bukan sahaja terletak pada tatacara pembikinan terhadap reka coraknya yang halus dan bermutu tinggi tetapi turut terarah pada motif-motifnya yang sarat dengan kepelbagaian makna dan falsafahnya,

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Songket Melayu: Serumpun Bangsa Sesantun Budaya'  
oleh Arba'iyah Ab Aziz,  
*Jurnal Pengajian Melayu – JOMAS*, Jilid 32(2), 2021

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, apakah jenis bahan yang digunakan untuk menenun songket?  
[2 markah]
- (ii) Dengan merujuk **Bahan 1**, **Bahan 2** dan **Bahan 3** terdapat pelbagai tujuan penggunaan pakaian berasaskan songket.  
Nyatakan tujuan-tujuan tersebut. [4 markah]
- (iii) Songket mengalami perubahan sejajar dengan peredaran masa. Pelbagai fesyen pakaian baharu mempengaruhi perkembangan pakaian tradisional tersebut terutamanya songket tenunan asli. Namun, dikatakan tidak ramai yang gemar memakai songket tenunan asli sebagai pakaian harian.  
Pada pendapat anda, apakah sebab-sebabnya? [3 markah]
- (iv) Anda dan rakan kongsi telah membuka sebuah kedai pakaian tradisional. Akan tetapi, jualan berkurang dan mengalami kerugian. Selaku pengurus, anda perlu melaksanakan pelbagai langkah untuk meningkatkan hasil jualan.  
Cadangkan langkah-langkah tersebut. [4 markah]

- 7 Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri

**Bahan 1**

**KORUS:**

Pemimpin harus berani  
Berhadapan dengan kenyataan  
Musuh ditentang dengan tabah hati  
Demi menegak kebenaran.

Rakaman video ditayangkan. Di pejabat ONN.

Kelihatan TUAN CAMPBELL meletakkan surat di atas meja ONN. ONN membuka surat itu dan membacanya. CAMPBELL memerhatikannya.

ONN : Apakah ertinya ini? Inggeris mahu merampas tanah saya di Bukit Senyum?

D.J. CAMPBELL : Yes ... sebab anda gagal menyempurnakan hutang keluarga anda dengan *state government*.

ONN : Tapi, itu tidak bererti Inggeris dengan sewenang-wenangnya boleh merampas tanah saya. Itu tanah pusaka ayah saya, Menteri Besar negeri Johor ini. Dan, itulah tanah anugerah Sultan kepadanya. Inggeris tidak boleh sesuka hati merampas tanah anak negeri.

Dipetik daripada drama 'Dato' Onn'  
oleh Othman Haji Zainuddin,  
dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka

**Bahan 2****APABILA BERGELAR YANG BERHORMAT**

Apabila kau bersumpah,  
Bertaat setia di istana indah,  
Prinsip perjuangan tak boleh goyah,  
Itulah sikap pemimpin dipangkah,  
Bukannya cepat berubah arah,  
Walau disogok dunia yang mewah.

Apabila kau menjadi pemimpin,  
Berbahas membela jelata marhaen,  
Agar mereka makmur sejahtera,  
Tanpa mengira agama dan bangsa.

Apabila kau bergelar Yang Berhormat,  
Berkhidmat tiada penamat.

**Ara Maisarah**  
Kampung Sri Damai  
Kuantan

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, mengapakah Inggeris tidak boleh sewenang-wenangnya merampas tanah Onn? [2 markah]
- (ii) Dengan merujuk **semua bahan**, nyatakan sikap yang seharusnya ada pada seorang pemimpin. [3 markah]
- (iii) Seorang pemimpin yang bertanggungjawab sangat penting dalam pembentukan sebuah negara bangsa.  
Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan terhadap rakyat jika pemimpinnya seorang yang bertanggungjawab? [3 markah]
- (iv) Anda merupakan guru penasihat persatuan di sekolah. Sepanjang pemerhatian anda, tidak banyak murid yang berani menjadi ketua atau pemimpin dalam apa-apa program, persatuan atau kelab.  
Cadangkan program-program yang perlu dilaksanakan oleh pihak sekolah bagi membentuk pemimpin dalam kalangan murid. [4 markah]

8 Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel *Tingkatan 4* dan *Tingkatan 5*.

- (i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Tidak disangka-sangka, kereta Doktor Sadiz merapati sebuah lori tangki minyak, merempuh belakang lori tersebut yang terhenti secara mendadak di kawasan lampu trafik.

“Astaghfirullah. Doktor Sadiz kemalangan!”

Dari jarak yang agak jauh itu, mereka semua dapat menyaksikan kereta baharu Doktor Sadiz terperosok di bawah lori tangki minyak itu. Mereka menyaksikan pemandu dan kelindan lori itu sempat terjun, sebelum lori itu meledak disambar api. Doktor Sadiz yang masih terhimpit di dalam kereta baharunya itu, tergamam dan terkapai-kapai apabila dia mula diserbu oleh lidah api yang berwarna merah, ungu, kuning, putih dan kebiru-biruan itu. Banyak orang cuba membantunya, tetapi tidak seorang pun dapat menghampiri kereta dan pemiliknya yang hangus rentung dijilat api itu.

Dipetik daripada novel *Pantai Kasih*  
oleh Azmah Nordin,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Apakah yang berlaku pada kereta Doktor Sadiz?

[4 markah]

- (ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- Tirani karya Beb Sabariah
- Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- Silir Daksina karya Nizar Parman

Berdasarkan dua buah novel yang anda kaji, huraikan satu peristiwa yang tidak sepatutnya berlaku dalam kalangan masyarakat dan cadangkan penyelesaian terhadap masalah tersebut bagi setiap novel.

[6 markah]

## BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

- 9 *Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal setiap bahan.*

**Bahan 1**

Ledakan teknologi digital menunjukkan bahawa pengguna media sosial kini dihadang dengan maklumat berbentuk produk, iaitu barangan dan perkhidmatan serta pelbagai isu lain. Maklumat tersebut disebarkan oleh pengengaruh media sosial (PMS) atau influencer. Setiap PMS perlu sedar bahawa peranan mereka sangat besar dalam pemilihan maklumat yang bermanfaat untuk disebarkan kepada pengguna. Oleh itu, maklumat yang dianggap sia-sia dan tidak memberikan nilai tambah kepada kehidupan hendaklah dielakkan. Seterusnya, PMS dapat melahirkan generasi berilmu pengetahuan luas melalui maklumat yang disebarkan selagi tidak bertentangan dengan adat dan nilai agama. Generasi berilmu inilah yang bakal menjadikan negara kita makmur dan harmoni.

PMS terdedah kepada teguran atau kritikan daripada netizen. Maklum balas daripada segelintir netizen tidak semuanya berupa pujian tetapi mungkin berbentuk kritikan pedas yang boleh menjejaskan reputasi pengengaruh. PMS haruslah menjadi seorang yang bersedia untuk menerima teguran daripada pengguna media sosial. Dalam hal ini, PMS yang berfikiran terbuka akan menjadikan teguran itu sebagai penambahbaikan kandungan bahannya. Dari sudut lain pula, PMS hendaklah meningkatkan kepercayaan pengikut agar mereka berpuas hati dan semakin setia kepadanya. Pada masa yang sama, PMS mestilah seorang yang menghargai kesetiaan pengikutnya supaya mendapat sokongan berterusan dan bilangan pengikut kian bertambah.

Sungguhpun kemunculan kelompok PMS umpama cendawan tumbuh selepas hujan tetapi masih terdapat PMS yang menyampaikan maklumat palsu. Sepatutnya, mereka menjadi seorang yang telus terhadap penyampaiannya. Jangan menyembunyikan fakta sebenar semata-mata untuk meraih keuntungan dan populariti. Secara tidak langsung, PMS dapat mempengaruhi perubahan corak pemikiran individu. Hal ini bergantung pada perkara yang ditonton dan diikuti di media sosial. Tegasnya, sebaran maklumat daripada PMS semakin dinanti-nantikan oleh pengguna media sosial. Namun, PMS perlu ingat bahawa sebaran maklumat yang bertentangan dengan etika boleh dikenakan tindakan undang-undang oleh pihak berkuasa.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Pempengaruh Media Sosial: Dampak Positif atau Sebaliknya'  
oleh Harlina Halizah Siraj,  
Dewan Masyarakat, Bil. 3/2022

## Bahan 2

**KURSUS PROFESIONAL****PEMPENGARUH MEDIA SOSIAL****SIJIL KURSUS DISEDIAKAN**

Adakah anda ingin terkenal?  
Adakah anda ingin menjana  
keuangan?

**ANDA MEMILIKI WATAK  
YANG MENARIK?**

- ✓ Anda layak mengikuti kursus ini jika anda mempunyai penampilan diri yang menarik.
- ✓ Anda layak jika anda mempunyai keyakinan diri untuk berkomunikasi dengan baik.

**ANDA INGIN MEREALISASIKAN IMPIAN – SERTAILAH KAMI  
DAFTAR SEKARANG – TEMPAT TERHAD**

Sebarang pertanyaan, sila hubungi  
Dr. Zainur Aman bin Murad Arif  
Nombor telefon : 015-1234567

Sila layari laman sesawang <http://drzainuramanmuradarif.com.my>

**Bahan 3**

Mak Long Siah: Engkau tahu ke, anak Roziah yang tinggal di blok hujung tu kerjanya sebagai pengengaruh media sosial?

Mak Ngah Nora: Kerja yang cakap-cakap macam dalam Tik Tok tu ke? Apalah sangat kerja macam tu ...

Mak Long Siah: Engkau jangan kata gitu, Nora. Mereka bukan sahaja kaya, malah mereka boleh menjadi suara pendesak kepada mana-mana pihak pun.

Mak Ngah Nora: Macam mana? Aku tak faham.

Mak Long Siah: Anak aku kata, mereka yang pandai bercakap macam anak Roziah tu, ada banyak pengikut, dia boleh desak pihak berkenaan untuk baiki kelemahan sistem atau perkhidmatan. Tambahan pula, orang kerja macam tu dapat menyampaikan masalah masyarakat kepada pihak berkuasa.

Mak Ngah Nora: Ooo ... baru aku faham. Hebat rupanya!

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**